

# PEMBELAJARAN AKTIF DALAM PENDIDIKAN ISLAM: PENGAMALAN GURU CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM (ACTIVE LEARNING IN ISLAMIC EDUCATION: PRACTICING EXCELLENT TEACHER OF ISLAMIC EDUCATION)

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2013). Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam: Pengamalan Guru Cemerlang Pendidikan Islam (Active Learning in Islamic Education: Practicing Excellent Teacher of Islamic Education) in *Seminar Perneriksaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia (Seminar Empowerment Islamic Teaching in Malaysia)* at Main Hall of Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) on 24-25 September 2013, pp. 1-16.

## ABSTRACT

Pendekatan pembelajaran aktif merupakan salah satu daripada pendekatan yang penting dalam pengajaran guru yang berkesan di sekolah menengah. Artikel ini akan mengupas satu kajian berkaitan dengan amalan pendekatan pembelajaran aktif berdasarkan pengalaman guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dalam subjek Pendidikan Islam. Seramai lapan orang GCPI dipilih sebagai responden kajian melalui pemilihan bertujuan. Instrumen temubual digunakan sebagai data utama yang ditriangulasikan pula dengan data pemerhatian dan dokumen analisis. Verbatim data terkumpul dianalisis dalam N'Vivo 7.0 bagi mencari tema dan subtema sebelum disahkan oleh pakar. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran aktif GCPI terkandung dalamnya peranan guru, peranan pelajar, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), faedah dan halangan yang terdapat dalam pendekatan ini dan tajuk yang sesuai menggunakan pendekatan pembelajaran aktif ini. Beberapa cadangan penambahbaikan juga dikemukakan bagi memperkasakan lagi pembelajaran aktif dalam kalangan guru pendidikan Islam.

## REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin dan Zamri Abdul Rahim. 2004. *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Laporan Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adler. M.J. (1982). *The Paideia proposal: An education manifesto*. NY: Maemillan.
- Al-Bughawi, Mahyuyi al-Sanah al-Hussain ibn Mas'ud. 1989. *Al-Anwar fi Shama'il al-Nabiyy al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Diya' li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Bukhari, al-Imam. 1994. *Sahih Al-Bukhari*. (Tahqiq: Shaikh Abd al-Aziz 'Abdullah). Jil. 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Luhaimid, Sulayman ibn Muhammad. T.T. *Al-Sirah wa al-Shama'il*. T.P.: T.T.P.
- Al-Qattan, Manna'. 2000. *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Beirut: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Suyuti, al-Imam al-'Allamah Jalal al-Din. T.T. *Anmuzuji al-Lubaib fi Khasais al-Habib*. T.P.: T.T.P.
- Al-Zarkashi, Bad al-Din Muhammad ibn 'Abdullah ibn Bahadir. 1957. *Al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*. Mesr: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shirkaihi.
- Al-Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim. T.T. *Manabil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Mesr: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shirkah.
- Bahagian Pendidikan Islam. 1993. *Kajian mata pelajaran Pendidikan Islam dan guru-guru Pendidikan Islam di seko-*

- lah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia*. Laporan Kajian Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bandiera M. & Bruno C. 2006. Active/Cooperative Learning in Schools in *Journal of Biological Education*, 40(3) pp 130-134.
- Bonwell, Charles C. 1991. Active Learning: Creating Excitement in the Classroom in *ERIC Digest*. Univ. Washington DC: George Washington.
- [Brock Murdoch](#) & [Paul W. Guy](#). 2002. Active learning in small and large classes in *Accounting Education: An International Journal*. *Volume 11, Issue 3*, pages 271-282.
- Chickering, A.W. & Garrison, Z.F. (1987). Seven Principles for Good Practice. *AAHE Bulletin*. 39(7), 3-7.
- Cornel R.M., Johnson C.B., Schwartz W.C. 2013. Enhancing Student Experiential Learning With Structured Interviews in *Journal of Education for Business*, 88(3) pp 136-146.
- Dale, E. (1969). *Audio-visual methods in teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Dalsgaard, C. 2005. From Learning Objects to Learning Activities: References as an Alternative to Pedagogical Metadata in G. Richards (Ed.), *Proceedings of World Conference on E-Learning in Corporate, Government, Healthcare, and Higher Education 2005* (pp. 1263-1269).
- Drew V. & Mackie L. 2011. Extending the Constructs of Active Teaming: Implications for Teachers' pedagogy and practice in *Curriculum Journal*, 22:4, 451-467.
- Edgar Dale. 1969. *Audio-Visual Methods in Teaching* (3rd Ed.), New York, USA: Holt, Rinehart and Winston.
- Ericksen, S. (1984). *The essence of good teaching*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Ford M.J. 2010. Critique in Academic Disciplines and Active Learning of Academic Content in *Cambridge Journal of Education*, 40(3), pp 265-280.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral & Universiti Putra Malaysia. 1994. *Keperluan profesional guru Pendidikan Islam di sekolah menengah*. Penyelidikan Kajian Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dengan Universiti Putra Malaysia.
- Jardine R. 2007. PRIMUS: Problems, Resources, and Issues in Mathematics Undergraduate Studies in *Active Learning Mathematics History*, 7(2), pp 115-122.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. Penerapan Matlamat Pendidikan Islam Oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Malaysia dalam *Jurnal Teknologi*, 55 (Sains Sosial), Mei 2011: 37-53.
- Kamarul Azmi, 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Shahrin Awaludin. 2003. Pembelajaran Bahasa Arab Secara Koperatif: Satu Kaedah Alternatif. Dlm. Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin, Kamarulzaman Abdul Ghani, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohd Salleh, & Aliza Alias (pnyt.). *Prosiding Seminar Pendidikan Islam* (Siri 3) *Perkaedahan Pengajaran Pendidikan: Antara Tradisi dan Inovasi*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 326-335.
- Klein P. 2003. Active Learning Strategies and Assessment in World Geography Classes in *Journal of Geography*, 102 (4), pp 146-157.
- Knight, C. Gasevic, D. & Richards, G. 2005. Ontologies to Integrate Learning Design and Learning content. *Journal of Interactive Media in Education* in *Special Issue on Advances in Learning Design*, 2005 (7).
- McKeachie, W.J., Pint rich. P.R., Lin. Y.G., & Smith. D.A. (1987). *Teaching and learning in the college classroom: A review of the literature*. Ann Arbor: National Center for Research to Improve Postsecondary Teaching and Learning, The University of Michigan.
- McLaughlan R.G. & Kirkpatrick D. 2004. Online roleplay: design for active learning in *European Journal of Engineering Education*, 29(4), pp 477-490.
- Mel Silberman. 1996. *Active Learning: 101 Strategies to Teach Any Subject*. Boston: Allyn and Bacon.
- Meyers, C. & Jones, T. 1993. *Promoting Active Learning: Strategies for the College Classroom*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Michael J. 2007. Faculty Perceptions About Barriers to Active Learning in *College Teaching*, 55(2), pp 42-47.
- [Murdoch](#) B. & [Guy](#) P.W. 2002. Active Learning in Small and Large Classes in *Accounting Education*, 11(3), pp 271-282.
- Paul P. & [Mukhopadhyay](#) K. 2005. Experiential Learning in International Business Education in *Journal of Teaching in International Business*, 16(2), pp 7-25
- Pedro Arce. 1994. The Colloquial Approach: An Active Learning Technique in *Journal of Science Education and Technology*, 3(3), pp. 145-160
- Thomas, J. 1972. The Variation of Memory with Time for Information Appearing During a Lecture. *Studies in Adult Education*, 4, 57-62.

# PEMBELAJARAN AKTIF DALAM PENDIDIKAN ISLAM: PENGAMALAN GURU CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM\*

DR. KAMARUL AZMI JASMI  
Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

## Abstrak

*Pendekatan pembelajaran aktif merupakan salah satu daripada pendekatan yang penting dalam pengajaran guru yang berkesan di sekolah menengah. Artikel ini akan mengupas satu kajian berkaitan dengan amalan pendekatan pembelajaran aktif berdasarkan pengalaman guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dalam subjek Pendidikan Islam. Seramai lapan orang GCPI dipilih sebagai responden kajian melalui pemilihan bertujuan. Instrumen temubual digunakan sebagai data utama yang ditriangulasikan pula dengan data pemerhatian dan dokumen analisis. Verbatim data terkumpul dianalisis dalam N'Vivo 7.0 bagi mencari tema dan subtema sebelum disahkan oleh pakar. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran aktif GCPI terkandung dalamnya peranan guru, peranan pelajar, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), faedah dan halangan yang terdapat dalam pendekatan ini dan tajuk yang sesuai menggunakan pendekatan pembelajaran aktif ini. Beberapa cadangan penambahbaikan juga dikemukakan bagi memperkasakan lagi pembelajaran aktif dalam kalangan guru pendidikan Islam.*

## PENGENALAN

Salah satu pendekatan yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran berkesan ialah pembelajaran aktif atau dalam bahasa Inggerisnya dipanggil *active learning* lawan kepada *passive learning*. Dalam membincangkan tentang pendekatan pembelajaran aktif ini pengamalan GCPI dijadikan subjek kajian. Oleh itu, pengkaji banyak menggunakan istilah guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dalam kajian ini. GCPI di sini bermaksud guru yang mendapat pengiktirafan sebagai guru cemerlang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana menunjukkan kecemerlangan dalam pengajaran, keperibadian, kemahiran, pengurusan, dan ilmu sehingga menjadi rujukan dalam bidang yang menjadi kepakarannya (Kamarul Azmi, 2010).

## PEMBELAJARAN AKTIF DALAM ISLAM: KEMBALI KEPADA FITRAH

Asal pendekatan pengajaran dan pembelajaran Rasulullah s.a.w. pada hakikatnya dalam bentuk yang pembelajaran aktif. Pendekatan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan al-Quran terjemah dengan istilah bahawa *kehidupan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat merupakan satu proses pembelajaran aktif yang panjang*. Baginda banyak menyampaikan ilmu melalui kegiatan harian para sahabat sama ada dalam bentuk ibadat, muamalat, sosial, politik, undang-undang, dan sejarah (al-Suyuti, t.t.; al-Luhaimid, t.t.; al-Bughawi, 1989). Tujuan penurunan al-Quran itu sendiri secara beransur-ansur adalah untuk menghubungkan wahyu Allah yang diturunkan dengan peristiwa yang terjadi dalam kegiatan harian para sahabat (al-Zarkashi, 1957; al-Zarkani, t.t.; al-Qattan, 2000). Hal ini terbukti melalui pengajaran Rasulullah s.a.w. sendiri dalam peribadatan harian. Sebagai contoh Rasulullah s.a.w. mengajar solat kepada sahabatnya dalam bentuk yang sangat begitu praktikal. Hal ini sebagaimana yang diceritakan dalam hadis yang menjelaskan (al-Bukhari, 1994: 595):

قَالَ مَالِكٌ أَتَيْنَا إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ شَبِيهَةٌ مَتَقَارِبُونَ فَأَقَمْنَا عِنْدَهُ عَشْرِينَ يَوْمًا وَلَيْلَةً وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَحِيمًا رَفِيقًا فَلَمَّا ظَنَّ أَنَّا قَدْ أَشْتَهَيْنَا أَهْلَنَا أَوْ قَدْ أَشْتَقْنَا سَأَلَنَا عَمَّنْ تَرَكْنَا بَعْدَنَا فَأَخْبَرْنَاهُ

\* Ucapan ini dibentangkan Dalam Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam Di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam" Pada 24-25 September 2013, Dewan Besar Institut Kefahaman Islama Malaysia dan dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia.

قَالَ ارْجِعُوا إِلَىٰ أَهْلِكُمْ فَاقْتِمُوا فِيهِمْ وَعَلِّمُوهُمْ وَمُرُوهُمْ وَذَكَرْ أَشْيَاءَ أَحْفَظْهَا أَوْ لَا أَحْفَظْهَا وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي  
أَصْلِي فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤْذِنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ وَلِيُؤْمَمَّكُمْ أَكْبَرُكُمْ

Maksud: *Malik menceritakan, "Kami datang menemui Nabi s.a.w., saat itu kami adalah para pemuda yang usianya sebaya. Maka kami tinggal bersama beliau selama dua puluh hari dua puluh malam. Beliau adalah seorang yang sangat penuh kasih dan lembut. Ketika beliau menganggap bahwa kami telah ingin, atau merindukan keluarga kami, beliau bertanya kepada kami tentang orang yang kami tinggalkan. Maka kami pun mengkhabarkan kepada beliau. Kemudian beliau bersabda: "Kembalilah kepada keluarga kalian dan tinggallah bersama mereka, ajarilah mereka dan perintahkan (untuk solat)." Beliau lantas menyebutkan sesuatu yang aku pernah ingat lalu lupa. Beliau mengatakan: "Solatlah kalian seperti kalian melihat aku solat. Maka jika waktu solat sudah tiba, hendaklah salah seorang dari kalian mengumandangkan azan, dan hendaklah yang menjadi Imam adalah yang paling tua di antara kalian."*

(Al-Bukhari)

Hadis ini dengan jelas bagaimana Rasulullah s.a.w. mengajarkan solat dengan menjadikan amalan solat sebagai satu amalan harian yang dipraktikkan secara aktif oleh sekumpulan pemuda selama 20 hari dan 20 malam sehinggalah pada hari terakhir barulah Rasulullah s.a.w. berpesan dengan sabda beliau yang terkenal: *"Solatlah kalian seperti kalian melihat aku solat."* Hadis ini dan kehidupan Rasulullah s.a.w. semuanya pada asalnya adalah dalam bentuk yang aktif dan bukan dalam bentuk yang pasif.

Jelas di sini bahawa pembelajaran aktif digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam kehidupan baginda secara asalnya dengan para sahabat menjadi para pelajar yang begitu cemerlang sehingga mereka berjaya membawa panji Islam ke serata dunia melalui kefahaman mereka yang mendalam terhadap ajaran Islam.

## DEFINISI PEMBELAJARAN AKTIF DAN CIRI-CIRINYA

Pembelajaran aktif menurut Meyers dan Jones (1993) ialah daripada dua bentuk andaian, iaitu pembelajaran pada hakikatnya adalah satu aktiviti yang aktif dan andaian bahawa murid yang berlainan sudah tentu mempunyai cara belajar yang berbeza antara satu sama lain. Pembelajaran aktif ini pada hakikatnya menumpukan kepada aktiviti pembelajaran berbanding objek pembelajaran itu sendiri. Hal ini bermaksud walaupun fokus pembelajaran aktif ini adalah kepada aktiviti pelajar namun kesan aktiviti itu sendiri memberikan ingatan yang mendalam kepada objek pembelajaran itu sendiri (Knight et.al., 2005). Secara ringkas pembelajaran aktif berpaksikan ciri berikut, iaitu:


- (1) Pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran mereka.
- (2) Maklum balas boleh diperoleh oleh para pelajar dengan segera.
- (3) Keutamaan diberikan kepada pembinaan kemahiran diri pelajar lebih daripada mendapatkan maklumat.
- (4) Mengutamakan penerokaan terhadap sesuatu maklumat dan penerapan kepada nilai yang tinggi.
- (5) Mampu meningkatkan daya kretiviti dan pemikiran yang tinggi seperti dalam bentuk analisis, sistesis, dan penilaian.
- (6) Semakin dewasa seseorang pelajar semakin tinggi motivasi mereka dalam pembelajaran aktif.

Ciri ini pada asasnya merujuk kepada peranan pelajar dan guru, fokus pencapaian yang lebih kepada kemahiran, penerapan nilai, pengasahan daya kreativiti pelajar, dan akhir sekali berkait rapat dengan tahap motivasi pelajar yang terlibat.

## MENGAPA PEMBELAJARAN AKTIF PENTING

Kepentingan pembelajaran aktif banyak disimpulkan oleh sarjana melalui kajian mereka antaranya ialah Thomas (1972). Thomas menjelaskan bahawa jumlah maklumat yang disimpan oleh pelajar menurun dengan ketara selepas sepuluh minit. Namun dengan pembelajaran aktif, maklumat yang ingin disimpan

akan berterusan sehingga sesuatu aktiviti itu selesai bahkan berpanjangan ingatan tersebut sehingga tersimpan baik dalam otak kekal. Kajian ini juga disokong oleh kajian lain, iaitu Edgar Dale (1969) bahawa manusia mempelajari sesuatu dalam dua bentuk, iaitu pembelajaran pasif dan aktif, namun kajian menunjukkan bahawa perbezaan penyimpanan maklumat dan pengekalannya menunjukkan bahawa pembelajaran aktif adalah lebih baik dalam pengekalannya terhadap fakta ilmu dengan tahap 70-90% berbanding pembelajaran pasif yang hanya mampu mengekalkan kedua-duanya pada tahap 30%, 20%, dan 10% (Lihat Rajah 1).



**Rajah 1** Kesan ingatan pengetahuan dalam dua minggu mengikut kaedah pembelajaran

Sumber: Dale E. (1969)


Selain itu, terdapat juga bukti kajian yang menunjukkan tentang perbezaan pencapaian antara penggunaan kaedah kuliah dengan perbincangan. Kajian ini dengan jelas menunjukkan bahawa kaedah perbincangan adalah lebih baik daripada kaedah kuliah (McKeachie, *et.al.*, 1987). Beberapa kajian lain turut menyimpulkan bahawa secara semulajadi pelajar belajar banyak apabila terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran dan hanya sedikit belajar apabila dalam keadaan pasif (Adler, 1982). Manakala Eriksen (1984) pula menyatakan bahawa pelajar belajar banyak apabila mereka mengambil berat terhadap sesuatu dan mereka akan ingat terhadap sesuatu maklumat yang mereka faham secara mendalam melalui aktiviti yang mereka terlibat secara terus. Chickering and Gamson (1987) menambah, pembelajaran bukanlah seperti seseorang menontong perlawanan sukan. Pelajar tidak akan belajar banyak jika hanya duduk melihat dan mendengar apa yang dikatakan oleh guru di dalam kelas, menghafal dan mengingat sejumlah maklumat yang telah distrukturkan oleh guru, dan menjawab soalan latihan. Apa yang menjadikan mereka belajar banyak ialah mereka mesti bercakap tentang apa yang mereka telah pelajari, menulis tentangnya, menghubungkan pelajaran yang lalu dengan pengalaman yang mereka telah ada, dan mempraktikkannya dalam kehidupan harian mereka. Mereka seharusnya menjadikan pelajaran mereka sebagai sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka.

Dalam kajian yang berkaitan dengan pembelajaran dan pembelajaran pelajar juga kajian menunjukkan pembelajaran aktif walaupun dibuktikan lebih berkesan daripada kaedah tradisional, namun pembelajaran ini masih terikat keberkesanan, iaitu pembelajaran ini kurang berkesan jika saiz kelasnya adalah besar berbanding dengan kelas yang kecil (Murdoch & Guy, 2002).

Secara ringkasnya, pendekatan pembelajaran aktif menjadikan pengetahuan yang ingin dipelajari oleh pelajar adalah lebih praktikal kerana para pelajar terlibat secara aktif lagi praktikal dalam kehidupan mereka seharian.

## **PENDIDIKAN ISLAM KINI ANTARA PEMBELAJARAN AKTIF DAN PASIF**

Pendidikan Islam pada dasarnya merupakan pelajaran yang bermatlamatkan pelajar berilmu dan berpengetahuan dalam agama Islam. Ilmu itu pula untuk diamalkan dalam kehidupan mereka agar mereka bersifat cemerlang sehingga mampu memberikan kejayaan yang cemerlang dalam kehidupan dunia dan akhirat. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam kajian (Kamarul Azmi *et.al.*, 2011) yang menghasilkan Model Matlamat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (MMPPPD) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



**Rajah 2** Model Matlamat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (MMPPPD)

Sumber: Kamarul Azmi *et.al.* (2011)

Matlamat ini adalah benar, namun pendekatan yang digunakan oleh guru pendidikan Islam itu sendiri tidak secara fitrah ajaran Islam. Pendidikan Islam kini seolah-olah merupakan satu pembelajaran yang bersifat fasif dengan kaedah kuliah dan ceramah merupakan kaedah yang dominan. Kajian yang dilakukan oleh pelbagai institusi dan penyelidik juga membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam masih tertumpu dengan kaedah pengajaran tradisional yang berpusatkan guru berbanding pelajar khususnya kaedah syarahan. Kajian-kajian ini juga menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam yang dikaji masih belum begitu kreatif; kurang mahir dalam penggunaan alatan dan pendekatan P&P; kurang menggunakan pendekatan pengajaran yang terbaru kerana memerlukan bantuan tahap tinggi bagi mendapatkan maklumat inovasi pengajaran terkini serta kurang memberi penekanan terhadap elemen penglibatan pelajar dalam kelas (BPI 1993; JAPIM & UPM 1994; Abdullah Ishak 1995; Kamarulzaman Abdul Ghani *et al.* 2003; dan Ab. Halim Tamuri *et al.* 2004).

Namun pembelajaran aktif yang dipraktikkan oleh GCPI dalam kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran aktif masih merupakan alternatif pendekatan yang lebih baik dan bersifat lebih fitrah dalam meningkatkan kemahiran para pelajar dan meningkatkan motivasi dalam beramal tanpa menafikan pengetahuan juga aspek terpenting dalam pencapaian pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam.

## OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian tentang pembelajaran aktif berdasarkan pengalaman GCPI ini secara umumnya ingin mencapai objektif berikut, iaitu *melihat pengamalan pendekatan pembelajaran aktif dalam kalangan GCPI sekolah menengah* dengan persoalan kajian adalah “*Apakah bentuk pengamalan pendekatan pembelajaran aktif dalam kalangan GCPI sekolah menengah?*”

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi memfokuskan kepada pemilihan kajian kualitatif dengan instrumen temubual sebagai cara mengumpulkan data utama dengan ditriangulasikan pula dengan data pemerhatian dan analisis dokumen. Pemilihan sampel pula dengan teknik pemilihan bertujuan terhadap lapan orang GCPI Islam yang dijadikan responden utama. Manakala dua orang pelajar bagi GCPI pula dijadikan sebagai sumber informan untuk mengukuhkan lagi data temubual responden. Fokus temubual kepada responden GCPI dan dua orang pelajar mereka dilakukan kerana mereka terlibat secara langsung dengan aktiviti pembelajaran aktif yang dilaksanakan oleh responden. Data yang terkumpul kemudian dijadikan verbatim data kajian dan dieksport ke N’Vivo 7.0 untuk diproses bagi membina tema, dan subtema kajian. Hasil analisis kemudiannya disahkan oleh tiga orang pakar pendidikan Islam dari Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dengan tahap persetujuan Cohen Kappa pada aras sangat tinggi, iaitu melebihi 9.0.

Penganalisan dalam kajian ini dilakukan dalam bentuk yang bersepadu antara semua responden dan informan kajian. Pengkaji melihat bahawa data yang diperolehi pada hakikatnya bersumber daripada data yang boleh berdiri sendiri dan saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain sehingga mampu menjadikan ciri pembelajaran aktif GCPI menjadi lengkap. Model yang komprehensif dan dinamik ini sudah tentu mampu untuk dijadikan ikutan sama ada kepada semua guru pendidikan Islam atau guru yang lainnya.

Pengkaji dalam penghuraian data tidak menyusun data mengikut kekerapan data, tetapi data disusun mengikut susunan peraturan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran GCPI. Hal ini demikian kerana tujuan penghuraian data adalah untuk menjadi panduan kepada para guru Pendidikan Islam untuk dipraktikkan dan kaedah penghuraian ini sudah tentu membantu mereka. Selain itu, penghuraian yang digunakan dalam kajian ini juga adalah dengan menggunakan rujukan baris verbatim sebagai rujukan kepada isi data. Oleh itu, sebagai contoh sekiranya pengkaji menulis “[GCPI4 (222)]” atau “[GCPI4, 222]” maka “222” merujuk kepada baris verbatim data bagi temubual bersama GCPI4 sebagaimana yang terdapat dalam N’Vivo yang dianalisis.

## DAPATAN KAJIAN

Pembelajaran aktif berdasarkan kajian terhadap amalan GCPI sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 menyentuh enam perkara, iaitu peranan guru, peranan pelajar, penggunaan BBM dalam pembelajaran aktif, faedah yang diperolehi daripada penggunaan pembelajaran aktif, halangan yang terdapat dalam pendekatan ini, dan tajuk yang sesuai untuk digunakan dalam pendekatan ini untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

**Jadual 1** Pembelajaran aktif dalam kalangan GCPI

	GCPI1-8	P1S1-8	P2S1-8	OS1-8	ADS1-8
Peranan Guru	X	X	X	X	-
Peranan Pelajar	X	X	X	X	X
BBM	X	X	X	X	-
Faedah	X	X	X	-	-
Halangan	X	-	-	X	-
Tajuk yang Sesuai	X	X	-	X	X

Keterangan: 1. GCPI1-8 – Guru cemerlang Pendidikan Islam 1-8; P1S1-8 – Pelajar 1 Sekolah 1-8; P2S1 – Pelajar 2 Sekolah 1-8; OS1-8 – Observasi Sekolah 1-8; ADS1-8 – Analisis Dokumen Sekolah 1-8.

2. 'X' mewakili data bagi tema yang dibina; '-' tiada data yang mewakili tema ini.

### Peranan Guru

Berdasarkan Jadual 2, peranan guru dalam pembelajaran aktif ialah menjadi fasilitator kepada para pelajarnya. GCPI4 (222) menyatakan: *"Guru kena jadi fasilitator, hal ini kerana pembentangan murid sahaja tidak cukup dan tidak mantap. Oleh itu, cikgu kena bimbing."* Pernyataan ini bermaksud bahawa aktiviti yang dilakukan oleh murid perlu dibimbing dengan baik oleh guru dan guru Pendidikan Islam tidak lepas tangan sekalipun pelajar bebas untuk membuat persembahan mereka berdasarkan keputusan mereka sendiri (P2S4, 120). Pembelajaran aktif dilaksanakan oleh GCPI adalah untuk mencungkil bakat yang ada pada para pelajar. Hal ini dipertegaskan oleh GCPI5 (638):

*"...Kemudian bagi budak mempersembahkan apa yang dia bincang supaya dari situ kita boleh mencungkil kebolehan dia, kehebatan dia bercakap, dan kadang-kadang bila ada soal jawab sama ada daripada karwan ataupun daripada kita sendiri, maknanya dia boleh jawab dengan petah dengan tanpa ada gementar. Bagi saya itu satu benda yang menyeronokan."*

Kenyataan ini bermaksud, pembelajaran aktif mampu membentuk dan mencungkil bakat para pelajar yang terpendam. Apabila pelajar sudah selalu bercakap dikhalayak, maka sudah tentu dia akan semakin petah dan berkayakinan terhadap dirinya.

**Jadual 2** Peranan guru dalam pembelajaran aktif

Tema Peranan GCPI dalam Pembelajaran Aktif	GCPI1-8	P1S1-8	P2S1-8	OS1-8	ADS1-8
Fasilitator	X	-	X	-	-
Mencungkil bakat	X	-	-	-	-
Bentuk kumpulan	X	X	X	X	-
Beri topik	X	-	X	X	-
Beri panduan cara mencari maklumat	X	-	X	-	-
Beri panduan kepada kumpulan	X	-	-	-	-
Memastikan fahaman yang betul	-	X	X	X	-
Beri input tambahan dan komen	-	X	X	-	-
Kumpul murid dihadapan jika BBM pelajar kecil	X	-	-	-	-
Menjawab soalan yang pembentang tidak mampu jawab	X	-	-	-	-
Soal jawab guru-murid	X	X	-	-	-
Beri markah	X	-	-	X	-
Beri latihan	-	-	X	-	-

Keterangan: 1. GCPI1-8 – Guru cemerlang Pendidikan Islam 1-8; P1S1-8 – Pelajar 1 Sekolah 1-8; P2S1 – Pelajar 2 Sekolah 1-8; OS1-8 – Observasi Sekolah 1-8; ADS1-8 – Analisis Dokumen Sekolah 1-8.

2. 'X' mewakili data bagi tema yang dibina; '-' tiada data yang mewakili tema ini.

Seterusnya, tugas guru juga dalam pembelajaran aktif seperti yang dipraktikkan oleh GCPI ialah membentuk kumpulan kecil pelajar mengikut tahap pelajar (GCPI1, 895; P1S3, 260; P2S4, 273; OS5, 464; P1S5, 284; P2S6, 56; GCPI7, 255; OS7, 425; P1S7, 123; P2S7, 72; GCPI8, 356; P2S8, 55), memberikan topik perbincangan (GCPI4, 233; P2S7, 72; OS8, 258; P2S8, 55), memberi panduan kepada para pelajarnya cara mencari maklumat (GCPI1, 893; P2S6, 244), dan panduan melaksanakan tugas kumpulan (GCPI7, 228). Hal ini terjawab melalui kata-kata GCPI8 (356) ini:

*“Bagi kumpulan murid yang cemerlang dan sederhana yang boleh mencari point-point sendiri, kak Lah akan menyediakan satu jadual dia kak Lah dah bagi kumpulan kepada ketua kumpulan masing-masing itu, empat orang-empat orang, jadi topik-topik kak Lah sudah tampalkan sejak awal tahun lagi, jadi dia akan ambil topik itu, dari topik itu kak Lah suruh dia dapatkan maklumat apa dia ranting-ranting yang perlu lengkapkan. Kemudian kak Lah minta dia (kumpulan itu) bentang...”*

Kenyataan GCPI8 ini menunjukkan bahawa kumpulan pelajar telah dikategorikan kepada cemerlang, sederhana, dan lemah. Bagi dua kumpulan yang awal mereka tidak perlu lagi kepada panduan pencarian maklumat dan tidak bagi kumpulan yang lemah. Begitu juga tajuk-tajuk projek dan perembahan telah diberikan awal agar pelajar mempunyai masa untuk mencari maklumat, membincangkannya, dan mencari isi-isinya (ranting-rantingnya). Hal memberikan panduan dan para pelajar perlu melaksanakan tugas berdasarkan panduan guru dipertegas oleh GCPI7 (228) dengan kata-katanya: *“...Dia bincang sama dia lepas itu setiap kumpulan mesti lantik seorang ketua, lantik jurutulis, setiap hari maknanya orang lain akan bentang, bukan orang yang sama, saya ajar begitulah.”* Kata-kata ini menunjukkan bahawa guru memberi panduan bagaimana untuk membahagikan tugas antara sesama pelajar agar kemahiran yang pelbagai dapat diaplikasikan kepada semua ahli kumpulan pelajar.

Seterusnya, GCPI ketika atau setelah sesi persembahan atau pembentangan pelajar, dia akan memastikan ketepatan kefahaman dan fakta yang diperoleh oleh para pelajarnya (P2S4, 128; P2S5, 96; OS7, 457; P1S8, 445) seperti kata-kata P2S5 (96): *“Jadi dalam masa yang sama ustaz itu akan memerhatikan orang itu buat penerangan kalau ada silapnya dia akan betulkan.”* Selain itu, GCPI juga memperlengkapkan lagi fakta yang kabur atau tidak sempurna (P2S4, 127; P2S6, 59; P1S8, 296; P2S8, 57). Hal ini dibuktikan seperti kata-kata P2S8 (57) ini:

*“...Kalau tak cukup, ustazah akan tambah. Lepas itu cara dia yang kedua, dia ajar sistem peta minda, contohnya bentuk pokok, bentuk bunga, bentuk rumah, maknanya dalam sistem itu kita boleh ingat kalau bentuk pokok dia punya main idea dia dan pecahannya. Selain itu juga ustazah gunakan akronim atau singkatan-singkatan.”*



Petikan ini menegaskan tentang peranan GCPI untuk menambahkan fakta dan memperjelaskan lagi fakta yang kabur melalui komen yang lebih kreatif agar mudah diingat oleh para pelajar dalam bentuk peta minda dan akronim.

Ada ketikanya, ketikanya para pelajar yang membuat BBM untuk persembahan mereka tidak menepati piawaian yang betul seperti BBM yang dibuat agak kecil untuk dilihat oleh seluruh para pelajar di dalam kelas. Ketika ini, GCPI mengambil peranan membantu kumpulan ini dengan mengarahkan semua para pelajar duduk rapat-rapat di atas tikar di hadapan kelas agar BBM itu boleh dilihat jelas oleh semua pelajar. Keadaan ini berlaku kepada GCPI4 (263) dengan senario berikut:

*“Kalau di dalam kelas, nak buat pembentangan, benda yang nak dibentang tu di dalam (bentuk) carta atau kertas mahjong atau manilakad yang kecil tidak nampak, kak akan kumpulkan semua murid-murid pergi ke hadapan kelas, tinggalkan meja. Jadi sikit sahaja duduk disitu yang lain di hadapan. Tengok pembentangan, kalau pembentangan itu menggunakan power point, besar boleh tengok, tidak apa, murid-murid duduk ditempat dia. Tapi kalau menggunakan suara biasa, nak tunjukkan carta (yang kecil) itu, kita akan kumpulkan anak-anak semua duduk di hadapan.”*

Ketika sesi pembentangan, biasanya berlaku sesi soal jawab antara pelajar dengan pelajar. Ketika ini sekiranya pelajar tidak mampu untuk menjawab, maka GCPI mengambil peranan untuk membantu kumpulan yang membuat persembahan sebagaimana yang dijelaskan oleh GCPI4 (270): *“Jadi pembelajaran itu berlaku dua hala, dan setiap kali pembentangan, dia tidak bentang sahaja, ahli akan soal pembentang bila tidak boleh jawab, baru kak bantu.”*

Pengetahuan yang tidak mendalam atau mungkin tidak tepat dalam sesi persembahan atau mungkin untuk memastikan bahawa para pembentang dan audien pelajar memahami pembentangan pembentang diselesaikan oleh GCPI melalui sesi soal jawab guru murid pula (GCPI3, 458; P1S3, 167; GCPI5, 592; GCPI8, 381; P1S8, 446). Senario ini dijelaskan oleh GCPI4 (464) seperti berikut:

*“...Kadang-kadang dia pinjam buku orang dia salin, kita nampak jawapan dia lengkap eloklah, tapi saya rasa, saya akan soal balik, walaupun benda tu pelajar bentangkan... Bila belajar tokoh, pelajar bentang, walaupun bentang ada soal jawab, soal dulu dengan karwan, habis soal dengan karwan, tak selesai (begitu sahaja), bagi masa sepuluh minit, semua orang baca, sekejap lagi ustazah pula soal, baru akan semua kena baca. Kalau tidak, buat kumpulan, enam orang yang buat tajuk tu, enam orang itu saja baca, yang lain (ada yang) dengar dan ada yang dengar tak dengar. Tapi kita hendaklah perubahan sikit, buatlah juga dengan berbalik cara lama. Semua pelajar baca sepuluh minit, sekejap lagi (saya) panggil nama, dengan itu, dia orang takut dengan saya. Panggil nama, bangun, cerita(kan kembali). Kalau hang tak boleh pasal apa, orang lain boleh pasal apa hang tak boleh...”*

Berdasarkan senario ini, GCPI4 menggunakan peluang menyoal kembali semua para pelajar dengan memanggil nama mereka untuk melihat kefahaman mereka. Keberangskalian yang kerap disoal selepas pembentangan menjadikan pelajar lebih fokus kepada pembentangan untuk memberi perhatian serius terhadap isi dan maklumat para pembentang.

Perkara terakhir daripada peranan guru dalam pembelajaran aktif ialah guru membuat penilaian dan memberi markah (GCPI4, 224; OS4, 460; GCPI8, 379), serta memberi kerja rumah kepada para pelajar agar kefahaman yang menyeluruh daripada aktiviti pembelajaran aktif diperoleh (P2S4, 351). Proses penilaian ini dijelaskan oleh GCPI4 (224) sebagai berikut:

*“Cikgu bimbing (dalam pembentangan). Kemudian diberi markah daripada dulu sampai sekarang, bagi markah persembahan kumpulan itulah. Bukan sahaja tingkatan enam, tapi tengok tingkatan satu. Baru-baru ini kita buat, dia (mereka) pun buat dengan begitu baik sekali, kak (ada) bagi markah sampai 98, pembentangan itu. Tengok dari hasil kerja (mereka) itu sangat baiklah.”*

Berdasarkan kata-kata ini, jelas bahawa GCPI memberikan penilaian yang tinggi terhadap pembentangan yang dijalankan terhadap kerja yang dilakukan secara bersungguh-sungguh dan terbaik.

## **Peranan Pelajar**

Selain peranan guru, pendekatan pembelajaran aktif juga sebahagian besarnya melibatkan peranan pelajar. Justeru, dipanggil pembelajaran aktif kerana pelajar yang terlibat secara langsung secara aktif mengikut cara mereka belajar. Berdasarkan Jadual 3 terdapat 13 peranan yang dimainkan oleh para pelajar dalam aktiviti pembelajaran aktif ini.

**Jadual 3** Peranan pelajar dalam pembelajaran aktif

Tema Peranan Pelajar dalam Pembelajaran Aktif GCPI	GCPI1-8	P1S1-8	P2S1-8	OS1-8	ADS1-8
Melantik ketua dan membahagikan tugas	X	-	-	X	-
Mendapatkan maklumat topik perbincangan	X	X	X	-	-
Membuat perbincang pra persembahan	X	X	X	X	-
Menulis dan melakar mengikut kreativiti	X	X	X	X	-
Memahami dulu sebelum bentang	-	X	X	-	-
Kaedah persembahan yang diguna oleh pelajar	X-	X	X	X	X
Ingat isi penting	X	X	-	-	-
Soal jawab murid-murid	X	-	-	-	-
Bantu memahamkan kawan	-	X	X	-	-
Baca bahan bentang selepas persembahan	X	-	-	X	-
Pelajar tidak bentang salin nota pembentang	X	X	-	-	-
Membuat polio	X	-	-	X	-

Keterangan: 1. GCPI1-8 – Guru cemerlang Pendidikan Islam 1-8; P1S1-8 – Pelajar 1 Sekolah 1-8; P2S1 – Pelajar 2 Sekolah 1-8; OS1-8 – Observasi Sekolah 1-8; ADS1-8 – Analisis Dokumen Sekolah 1-8.  
2. 'X' mewakili data bagi tema yang dibina; '-' tiada data yang mewakili tema ini.

Lima perkara pertama yang dimainkan oleh pelajar dalam pembelajaran aktif dengan pertamanya pelajar melantik ketua dan membahagikan tugas (OS5, 604; GCPI7, 228; OS7, 426) sebagaimana yang dilakukan oleh GCPI7 dalam pemerhatian pengkaji (OS7, 425): *“GCPI7 menjelaskan setiap lantik seorang ketua dan juru tulis dan hasil pembentangan hendaklah dibentangkan dihadapan.”* Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dari sumber lain (GCPI4, 234; P2S4, 123; P2S6, 57; P1S8, 263; P2S8, 56) sebagaimana terjelus daripada P1S8 (263) yang menjelaskan: *“Biasanya dalam pembentangan dekat depan mesti dalam kumpulan, jadi ustazah kata biar semua bekerja kalau macam yang ini cari isi ini, yang itu cari isi ini, kalau yang ini dah cari isi, yang itu tulis, kalau yang itu dah tulis, yang itu bentang.”* Kenyataan P1S8 ini menunjukkan bahawa setelah perlantikan ketua dan pembahagian tugas dilakukan, perkara kedua yang dilakukan oleh para pelajar ialah mendapatkan maklumat topik perbincangan.

Setelah mendapat maklumat, perkara ketiganya barulah para pelajar membuat perbincang pra persembahan (P1S4, 149; OS5, 466; P2S5, 297; P2S6, 56; GCPI7, 781; OS7, 492; P2S7, 74; OS8, 258). Hal ini demikian sebagaimana yang termaktub daripada kata-kata P2S7 (72): *“Ada juga dia suruh pelajar-pelajar buat pembentangan di atas topik-topik yang ustazah bagi lepas itu pelajar berbincanglah dan mengenal pasti permasalahan-permasalahan topik yang dibincangkan.”* Seterusnya peringkat keempat, perbincangan yang dilakukan oleh para pelajar disalurkan kepada BBM dalam bentuk tulisan ayat atau tulisan yang dibentuk dengan lakaran peta minda. Mereka melakukannya berdasarkan daya kreativiti mereka masing-masing (GCPI4, 495; P1S4, 111; P2S5, 300; OS5, 600; OS8, 286). Dalam hal ini pengkaji melihat dan melaporkan seperti berikut OS5 (600): *“Setiap kumpulan diberikan kertas mahjung untuk mencatatkan isi penting perbincangan untuk dibentangkan.”* Akhir sekali sebelum pelajar membuat persembahan, mereka memahami dulu isi perbincangan mereka sebelum membuat persembahang dalam pembentangan bentang (P1S3, 262; P2S4, 130). Dalam hal ini P1S3 ada menjelaskan:

*“Kadang-kadang, tilawah tak sangat sebab tilawah dia kena explain satu kelas, ke macam sumbangan, adab-adab, dia akan kumpul, semua akan kumpul dalam kumpulan masing-masing, kumpulan tu form sendirilah kan, berapa orang, berapa orang tu, kemudian kita understand the topik”*

Sehinga ke tahap ini, pelajar telah bersedia untuk membuat pembentangan mereka dalam bentuk kefahaman dan persediaan BBM yang mantap. Kaedah persembahan akan dibincangkan dalam Jadual 4 berikut memandangkan terdapat beberapa bentuk persembahan yang digunakan oleh para pelajar.

Setelah persembahan dilaksanakan oleh para pelajar terdapat beberapa perkara yang dilakukan oleh para pelajar dengan bantuan guru mereka masing-masing. Perkara tersebut ialah mengingat isi penting setelah pembentangan sama ada dalam kalangan pembentang atau audien (P1S3, 162; GCPI8, 380). Perkara berikutnya ialah terdapat sesi soal jawab antara pembentang dengan audien pelajar (GCPI3, 459; GCPI4, 270), pembentang membantu memahami kawan (P2S4, 130; P1S8, 293; P2S8, 57), baca bahan bentang selepas persembahan (GCPI3, 461; OS7, 456), pelajar tidak bentang diarahkan oleh guru untuk menyalin nota pembentang (GCPI7, 258; P1S7, 125), dan semua pelajar disuruh untuk membuat polio bagi mengukuhkan kefahaman mereka terhadap isi pelajaran (GCPI4, 233; OS4, 284). P2S4 (185) menegaskan: “*Sebab kami ada buat polio, dan buku skrap setiap orang.*”

Berdasarkan Jadual 3 juga terdapat kaedah yang digunakan oleh pelajar dalam persembahan mereka. Tema ini dipecahkan kepada enam tema utama sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4** Kaedah yang diguna oleh pelajar dalam pembelajaran aktif

Tema Kaedah Persembahan dalam Pembelajaran Aktif GCPI	GCPI1-8	P1S1-8	P2S1-8	OS1-8	ADS1-8
Penerangan	X	X	X	X	X
Perbincangan antara pelajar	X	-	-	X	-
Forum	X	X	X	X	-
Lakonan	-	-	-	-	X
Pertandingan Kuiz	X	X	-	-	-
Projek	X	-	-	-	-

Keterangan: 1. GCPI1-8 – Guru cemerlang Pendidikan Islam 1-8; P1S1-8 – Pelajar 1 Sekolah 1-8; P2S1 – Pelajar 2 Sekolah 1-8; OS1-8 – Observasi Sekolah 1-8; ADS1-8 – Analisis Dokumen Sekolah 1-8.

2. 'X' mewakili data bagi tema yang dibina; '-' tiada data yang mewakili tema ini.

Kaedah penerangan merupakan persembahan yang paling utama digunakan oleh pelajar dalam persembahan mereka (GCPI3, 458; P1S3, 196; ADS4, 726; GCPI4, 224; OS4, 470; P1S4, 111; P2S4, 120; P1S5, 52; P2S5, 95; P2S6, 56; OS7, 426). Perkataan pembentangan yang diguna oleh pelajar secara puratanya bermaksud pelajar membuat persembahan dengan isi pelajaran yang mereka telah lakar atau tulis dalam BBM dijelaskan di hadapan kelas kepada rakan-rakan pelajar. Hal ini sebagaimana yang ditegaskan oleh P1S3 (262): “*Kemudian explain dekat semua orang topik-topik yang tak faham tu.*” Kaedah lain pula terdiri daripada perbincangan antara pelajar (OS4, 460; GCPI5, 637), forum (P2S2, 181; P1S3, 267; GCPI4, 230; OS4, 470), lakonan (ADS4, 727), pertandingan kuiz (GCPI4, 229; P1S4, 217), dan projek (GCPI1, 892).

### Penggunaan BBM dalam Pembelajaran Aktif

Para pelajar yang membuat persembahan dan pembentangan sebagaimana yang telah dibincangkan turut menggunakan BBM. Secara keseluruhan, mereka banyak menggunakan kertas mahjong dalam pembentangan kerana lebih murah dan mudah dikendalikan dalam waktu yang praktikal sama ada BBM ini dibentuk dalam kelas atau sebagai kerja rumah. Banyak juga para pelajar menggunakan kertas mahjong untuk membuat carta seperti peta minda selain daripada hanya menulis isi penting (GCPI3, 470; P2S3, 483; P2S4, 152; OS5, 600; P2S5, 297; GCPI7, 175). Sebagai contoh P2S5 (300) menggunakan kertas mahjong untuk melukis carta dan isi carta berkata: “*Dalam masa yang sama orang lain lagi empat orang itu akan buat carta dalam kertas mahjong itulah.*”

Selain kertas mahjong, manilakad (GCPI4, 265), buku teks (P1S4, 150), dan buku rujukan (P2S4, 121; OS7, 500) juga digunakan sebagai BBM dalam persembahan pelajar. Terdapat juga kalangan GCPI yang menggunakan kertas edaran kosong untuk pelajar menulis hasil perbincangan mereka dalamnya (OS5).

**Jadual 5** Penggunaan BBM oleh pelajar dalam pembelajaran aktif

Tema Penggunaan BBM dalam Pembelajaran Aktif GCPI	GCPI1-8	P1S1-8	P2S1-8	OS1-8	ADS1-8
Kertas Mahjong	X	-	X	X	-
Manilakad	X	-	-	-	-

Buku Teks	-	X	-	-	-
Buku Rujukan	-	-	X	X	-
Kertas Kosong	-	-	-	X	-
LCD & laptop	X	-	-	-	-
Model Kaabah	X	-	-	-	-

Keterangan: 1. GCPI1-8 – Guru cemerlang Pendidikan Islam 1-8; P1S1-8 – Pelajar 1 Sekolah 1-8; P2S1 – Pelajar 2 Sekolah 1-8; OS1-8 – Observasi Sekolah 1-8; ADS1-8 – Analisis Dokumen Sekolah 1-8.

2. 'X' mewakili data bagi tema yang dibina; '-' tiada data yang mewakili tema ini.

Penggunaan LCD dan laptop juga terdapat dalam kalangan GCPI (GCPI4, 267; GCPI7, 174) sebagaimana yang ditegaskan oleh GCPI4 (267) berikut: *“Jadi kalau saya kelas yang comel sikit itu saya ada guna peralatan laptop (power point, komputer, dan LCD) ini.”* Akhir sekali, membuat reka bentuk kaabah dan tempat-tempat penting sebagai model dalam pengajaran haji juga ada dilaksanakan oleh pelajar dengan bantuan guru sebagai satu projek (GCPI1, 892).

### Faedah daripada Pembelajaran Aktif

Terdapat Sembilan faedah daripada pembelajaran aktif seperti yang dapat dikeluarkan oleh pengkaji daripada data yang dikumpul. Didapati pembalaran aktif ini membantu pelajar untuk menguasai isi pelajaran sebagaimana yang ditegaskan oleh P1S3 (169): *“Pembentangan tu memang kita kuasai topik bagi bab yang kita bentang tulah.”* Penggunaan pembelajaran aktif ini juga mempercepatkan pelajar mengingat isi pelajaran dan pelajar lebih fokus terhadapnya. Hal ini demikian sepertimana yang dijelaskan oleh GCPI4 (490) dengan kata-katanya:

*“Minta dan fokus dahulu, kalau tidak fokus tidak dapat membuat kesimpulan apa-apa pun, tidak faham. Sebab kaedah kak ialah cepat ingat, cepat dapat, cepat faham. Jadi kalau tidak fokus memang tidak dapat, jadi bila bagi satu tajuk itu biasanya tanya balik, dah suruh buat peta minda, terus buat peta minda supaya dia cepat ingat.”*

Selain cepat ingat dan lebih fokus, penggunaan pendekatan pembelajaran aktif ini juga menyebabkan pelajar tidak mudah lupa terhadap isi pelajaran yang telah mereka pelajari. Hal ini sebagaimana yang ditegaskan oleh P2S6 (56):

*“Macam dari segi kerja berkumpulan, ustazah suruh bahagi kumpulan, suruh bincangkan lepas itu suruh pelajar terangkan daripada itu, para pelajar cari maklumat sendiri, lepas itu dapat lebih, tidak mendengar sahaja pada ustazah mengajar, mencari maklumat sendiri, so dapat..., pelajar tidak mudah lupa apa yang dia ajar, disamping ada penerangan selepas satu sesi kumpulan itu.”*

Ucapan beliau menegaskan bahawa pelajar tidak mudah lupa apa yang dipelajari apa mereka sendiri mencari maklumat, berbincang, dan menerangkan semula dalam bentuk pembentangan.

**Jadual 6** Faedah pembelajaran aktif kepada pelajar

Tema Faedah Pembelajaran Aktif GCPI kepada Pelajar	GCPI1-8	P1S1-8	P2S1-8	OS1-8	ADS1-8
Penguasaan isi pelajaran	-	X	-	-	-
Cepat ingat	X	-	-	-	-
Pelajar fokus terhadap perbincangan	-	-	X	-	-
Tidak mudah lupa pelajaran	-	-	X	-	-
Sifat kerjasama	-	X	X	-	-
Sifat berlumba-lumba	-	X	-	-	-
Mahir bercakap	X	-	-	-	-
Berani bercakap di Khalayak	X	-	-	-	-
Pupuk minat	X	X	X	-	-

Keterangan: 1. GCPI1-8 – Guru cemerlang Pendidikan Islam 1-8; P1S1-8 – Pelajar 1 Sekolah 1-8; P2S1 – Pelajar 2 Sekolah 1-8; OS1-8 – Observasi Sekolah 1-8; ADS1-8 – Analisis Dokumen Sekolah 1-8.

2. 'X' mewakili data bagi tema yang dibina; '-' tiada data yang mewakili tema ini.

Sifat berlumba-lumba dan kerjasama juga tertanam dalam diri para pelajar melalui pembelajaran aktif (P2S4, 129; P2S5, 303; P1S8, 263). P1S8 (263) menegaskan: *“Berlumba-lumba dan bekerjasama biasanya dalam pembentangan.”* Kenyataan ini diperkukuhkan oleh P2S5 (303): *“Jadi akan berlaku kerjasama yang memang nampak jelaslah”* dan kenyataan P2S4 (129): *“cara kami dalam kumpulan atau pun individu, kerjasama, sifat yang kami dapat keluarkan.”*

Faedah lain pula ialah pelajar menjadi lebih berani dan lebih mahir bercakap untuk bercakap di khalayak (GCPI5, 594 & 637; GCPI7, 175 & 230). GCPI5 menjelaskan tentang penguasaan ini melalui kata-kata beliau:

*“Saya ada juga melalui perbincangan bahan-bahan kita dengan bagi budak berbincang dan pembentangan kemudian bagi budak mempersembahkan apa yang dia bincang supaya dari situ dia boleh... kita boleh mencungkil kebolehan dia, kehebatan dia bercakap, kadang-kadang bila ada soal jawab sama ada daripada kawan ataupun daripada kita sendiri maknanya dia boleh jawab dengan petah dengan tanpa ada gementar bagi saya itu satu benda yang menyeronokan.”*

Akhir sekali pendekatan ini sudah tentu memupuk minat terhadap isi pelajaran (P1S6, 233; GCPI8, 87; P2S8, 377). P1S6 (233) mengakui melalui kata-katanya: *“Macam untuk bahagian sirah dan tokoh. Bahagian itu ada setengah pelajar dia tak minat so kalau bahagian pembentangan ini of course pelajar kata aku buat ini kau buat ini so dia boleh pupuk minat. Itulah bahagian sirah dan tokoh biasa ustazah buat ini.”* Kenyataan ini membuktikan bahawa walaupun pelajaran sirah merupakan pelajaran yang membosankan, namun penggunaan pembentangan dapat memuput minat terhadap isi pelajaran terbabit.

### Halangan dalam Pendekatan Pembelajaran Aktif

Berdasarkan data temubual dan observasi, bahawa terdapat empat halangan yang dihadapi dalam pendekatan pembelajaran aktif ini, iaitu tajuk hanya dikuasai oleh pembentang, audien tidak memberi perhatian terhadap pembentangan (GCPI3, 461-463), pelajar menghasilkan BBM yang tidak mengikut spesifikasi (GCPI4, 265), dan pelajar hanya membaca dan tidak membuat huraian ketika membuat persembahan atau pembentangan (OS7, 467).

**Jadual 7** Halangan yang berlaku kepada pelajar dalam pembelajaran aktif

Tema Halangan dalam Pembelajaran Aktif GCPI	GCPI1-8	P1S1-8	P2S1-8	OS1-8	ADS1-8
Tajuk hanya dikuasai oleh pembentang	X	-	-	-	-
Audien pembentang tidak memberi perhatian	X	-	-	-	-
Pelajar Buat BBM tidak mengikut spesifikasi betul	X	-	-	-	-
Pelajar baca & tidak menghurai	-	-	-	X	-

Keterangan: 1. GCPI1-8 – Guru cemerlang Pendidikan Islam 1-8; P1S1-8 – Pelajar 1 Sekolah 1-8; P2S1 – Pelajar 2 Sekolah 1-8; OS1-8 – Observasi Sekolah 1-8; ADS1-8 – Analisis Dokumen Sekolah 1-8.

2. 'X' mewakili data bagi tema yang dibina; '-' tiada data yang mewakili tema ini.

Pengkaji dalam nota lapangan ketika observasi (OS7, 467) telah membuat catatan berikut: *“Seterusnya kumpulan kedua menampal kertas majong hasil perbincangan mereka di papan putih dan seorang wakil kumpulan ke hadapan membentang. Sekali lagi pelajar ini hanya membaca hasil perbincangan mereka.”* Ternyata pelajar telah menjalankan perbincangan dan menghasilkan bahan, namun kelemahan ketara apabila mereka sekadar membaca apa yang mereka hasilkan.

### Tajuk yang Sesuai bagi Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam

Selama dalam pengkajian pengkaji melalui temubual, observasi, dan penelitian dokumen, terdapat tujuh jenis tajuk yang sesuai untuk digunakan dalam pembelajaran aktif. Hal ini demikian sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 8.

**Jadual 8** Tajuk yang sesuai menggunakan pembelajaran aktif

Tema Tajuk Sesuai Mengikut GCPI dalam Pembelajaran Aktif	GCPI1-8	P1S1-8	P2S1-8	OS1-8	ADS1-8
Tokoh	X	X	-	-	-
Adab	-	X	-	X	-
Isu Semasa	-	-	-	X	-
Hadis	-	X	-	-	-
Ayat al-Quran	-	X	-	-	-
Sirah	-	X	-	-	-
Haji	X	-	-	-	-
Solat	-	-	-	-	X

Keterangan: 1. GCPI1-8 – Guru cemerlang Pendidikan Islam 1-8; P1S1-8 – Pelajar 1 Sekolah 1-8; P2S1 – Pelajar 2 Sekolah 1-8; OS1-8 – Observasi Sekolah 1-8; ADS1-8 – Analisis Dokumen Sekolah 1-8.  
2. 'X' mewakili data bagi tema yang dibina; '-' tiada data yang mewakili tema ini.

Namun begitu, bagi tajuk isu semasa observasi pengkaji mendapati terdapat sembilan tajuk isu semasa yang digunakan oleh GCPI yang menggunakan pendekatan pembelajaran aktif. Hal ini demikian sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 9. Berdasarkan jadual, pengkaji mendapati bahwa GCPI mengajar tajuk ini dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (OS4, 326-428).

**Jadual 9** Tajuk isu semasa yang sesuai digunakan dalam pembelajaran aktif

Tema Tajuk Isu Semasa dalam Pembelajaran Aktif GCPI	GCPI1-8	P1S1-8	P2S1-8	OS1-8	ADS1-8
Bersanding	-	-	-	X	-
Bayi Tabung Uji	-	-	-	X	-
Nikah Maya	-	-	-	X	-
Pendermaan Organ	-	-	-	X	-
Kahwin Lari	-	-	-	X	-
Jenayah rogol	-	-	-	X	-
Jenayah Liwat	-	-	-	X	-
Khalwat	-	-	-	X	-
Maknyah & Tomboy	-	-	-	X	-

Keterangan: 1. GCPI1-8 – Guru cemerlang Pendidikan Islam 1-8; P1S1-8 – Pelajar 1 Sekolah 1-8; P2S1 – Pelajar 2 Sekolah 1-8; OS1-8 – Observasi Sekolah 1-8; ADS1-8 – Analisis Dokumen Sekolah 1-8.  
2. 'X' mewakili data bagi tema yang dibina; '-' tiada data yang mewakili tema ini.

Secara ringkas, bahawa tajuk yang sukar dan bersifat semasa merupakan tajuk yang paling baik untuk menggunakan pendekatan pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan beberapa perkara yang setara dan perkara yang lebih mendalam terhadap teori pembelajaran aktif antara teori sedia ada dan apa yang diamalkan oleh GCPI dalam kajian ini. Secara umum teori sedia ada percaya bahawa pembelajaran aktif menjadikan guru bertindak sebagai fasilitator dengan membantu pelajar menyelesaikan masalah yang diberikan kepada mereka sama ada melalui topik perbincangan, kajian kes, dan projek. Para pelajar boleh memilih kaedah mencari bahan, perbincangan, serta persembahan dan pembentangan mereka sendiri (Adler, 1982; Ericksen, 1984). Hasil dapatan dalam kajian ini menyusuri perkara yang lebih mendalam tentang peranan yang perlu dimainkan oleh guru dan pelajar. Secara ringkas peranan guru sebagai fasilitator terdiri daripada memecahkan dahulu pelajar mengikut tahap dan mengikut kesesuaian tajuk, memberikan topik perbincangan berdasarkan kekuatan pelajar, memberi panduan ringkas cara untuk mendapatkan maklumat, memandu fahaman pelajar agar tidak tersasar daripada fahaman yang betul memandangkan ajaran agama mempunyai fakta yang hampir dinamik, memperlengkapkan kekurangan fakta dan ilmu serta memperdalamkannya, memastikan semua pelajar sama ada yang terlibat dalam persembahan atau audien dapat fakta melalui sesi soal jawab pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru, membuat penilaian terhadap hasil kerja pelajar, dan memperkukuhkan ingatan dengan memberikan latihan pengukuhan sama ada dalam bentuk memperlengkapkan nota atau menyediakan nota yang bersifat konferihensif dalam bentuk polio. Sedangkan peranan pelajar dalam kajian ini diberikan tanggungjawab untuk melantik ketua, membahagikan tugas yang diamanahkan, membuat pencarian maklumat dan fakta yang lebih terperinci sama ada di dalam kelas atau di luar kelas seperti perpustakaan, membuat

perbincangan pra persembahan dan mengingatkan fakta masing-masing, memilih bentuk persembahan yang ingin dilaksanakan, menyediakan BBM dalam bentuk lakaran dan tulisan untuk persembahan, dan membuat persembahan dengan memastikan rakan audien pelajar memahami fakta pembentangan melalui sesi soal jawab. Kajian juga menunjukkan bahawa peranan pelajar sama ada yang membentangi atau menjadi audien tidak terhenti apabila persembahan dan pembentangan mereka selesai, tetapi mereka mempunyai tanggungjawab tambahan dari segi pelajar diberikan masa tambahan untuk membaca kembali bahan dan seterusnya menyediakan nota mereka sendiri dalam bentuk yang lengkap.

Kajian ini juga memperlihatkan bentuk kaedah yang terhad dan penggunaan BBM yang agak terhad yang digunakan oleh pelajar untuk membuat persembahan dan pembentangan, iaitu pelajar membuat penerangan terhadap BBM mereka, pelajar membuat perbincangan antara pembentangi dengan audien, pelajar membuat simulasi forum, pelajar membuat lakonan dan penghuraian selepas lakonan, pelajar membuat simulasi pertandingan kuiz, dan pelajar mereka bentuk dan menghasilkan sesuatu projek. Manakala BBM yang digunakan pula terdiri daripada kertas mahjong, manilakad, buku teks, buku rujukan, kertas edaran kosong, power point, model kaabah. Kaedah ini hampir semuanya mempunyai persamaan dengan teori kajian sebelum ini tetapi sebenarnya di sana masih terdapat banyak kaedah lain dan BBM lain yang boleh digunakan oleh pelajar dengan bantuan guru seperti yang dicadangkan oleh Mel Silberman (2001) dalam buku beliau *Active Learning: 101 Strategies to Teach Any Subject*. Bagi Cornel et.al. (2013) beliau mengenengahkan kaedah pencarian maklumat dalam pembelajaran aktif dengan menggunakan temubual berstruktur terhadap tokoh yang mahir dengan tajuk kajian pelajar berbanding dalam kajian ini yang hanya menumpukan pencarian maklumat daripada sumber bertulis seperti buku teks dan buku rujukan.

Seterusnya dapatan kajian terhadap faedah daripada pembelajaran aktif GCPI ini menunjukkan bahawa pelajar dapat menguasai isi pelajaran dengan baik, cepat ingat, pelajar fokus kepada perbincangan dan penglibatan mereka, meningkatkan sifat berlumba-lumba, berkerjasama, dan berani, meningkatkan kemahiran berucap, dan akhir sekali dapat memupuk minat. Pada asasnya dapatan ini selaras beberapa kajian (Bonwell, 1991; Mackie & Drew, 2011) yang telah menjelaskan beberapa faedah daripada pembelajaran aktif antaranya ialah penglibatan yang aktif pelajar, peningkatan kemahiran pelajar dalam bekerja, berkomunikasi, dan pembentukan peribadi seperti sifat berani, peningkatan motivasi pelajar dalam pembelajaran mereka, pelajar dapat menggunakan aktiviti yang bernilai tinggi, iaitu peringkat analisis dan sintesis.

Halangan yang terdapat dalam kajian ini terhadap pembelajaran aktif ialah tajuk perbincangan yang dijalankan hanya dikuasai oleh pembentangi. Begitu juga dalam sesi persembahan dan pembentangan audien tidak memberi perhatian terhadap pembentangan atas sebab pembentangan tidak menarik atau mereka sendiri sedang sibuk untuk menyiapkan pembentangan mereka. Terdapat juga dalam kalangan ahli kumpulan yang tidak menyediakan BBM mengikut spesifikasi yang betul sebagai contoh BBM agak kecil untuk dilihat oleh audien. Akhir sekali, halangan yang paling besar ialah pelajar pada kebiasaannya hanya membaca sahaja BBM yang mereka buat berbanding dengan yang sepatutnya dihuraikan dan dibincangkan kepada audien. Dapatan ini jelas juga disenaraikan oleh beberapa pengkaji (Bonwell, 1991; Michael, 2007; Ford, 2010) yang secara ringkas halangan dalam pembelajaran aktif ini boleh dibahagikan kepada kepada guru dan pelajar. Bagi guru halangan dalam bentuk tidak dapat mengawal kelas dengan baik, iaitu kelas menjadi kacau bilau, kurang keyakinan guru sehingga tidak mampu memberi komen dan memperlengkapkan dapatan pelajar, dan dianggap oleh guru lain bahawa bahawa dia tidak dianggap mengajar kerana hanya membiarkan sahaja pelajar yang menjelas dan berbincang. Manakala bagi pelajar pula melibatkan audien ada yang tidak mengambil bahagian, pelajar terutama audien tidak dapat menguasai tajuk yang dibincangkan kerana tidak terlibat dalam pencarian maklumat dan pembentangan, pelajar tidak menggunakan analisis tinggi seperti bentuk analisis dan sintesis, dan kelas menjadi hambar kerana pembentangi tidak berjaya membentangi dengan baik.

Dapatan kajian juga boleh membantu guru Pendidikan Islam untuk mengetahui tajuk yang sesuai untuk menggunakan pendekatan pembelajaran aktif. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa Pendidikan Islam juga mampu menggunakan pendekatan pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Khusus kepada kajian ini bahawa terdapat lapan tajuk yang banyak digunakan oleh GCPI dalam pembelajaran aktif ini, iaitu tokoh, adab, isu semasa, hadis, ayat al-Quran, sirah, haji, dan solat.

Kajian yang lalu hanya melibatkan pembelajaran aktif dalam bidang yang lain seperti matematik (Jardine, 2007), biologi, (Bandiera & Bruno, 2010), perniagaan, (Paul & Mukhopadhyay, 2005), geografi, (Klein, 2003), dan sains dan kejurateraan (McLaughlan R.G. & Kirkpatrick D., 2004).

## **IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN**

Pembelajaran aktif telah dipraktikkan oleh GCPI dalam ruang lingkup yang terhad tetapi sudah memadai untuk dijadikan contoh teladan kepada guru Pendidikan Islam di Malaysia. Namun perlu ada penambahbaikan dari segi:

- (1) Penggunaan metode: Metode dalam pencarian maklumat dalam kajian yang hanya menggunakan bahan bercetak perlu dipelbagaikan lagi dengan sumber lain seperti penggunaan ebook, internet, CD-Rom, temubual berstruktur atau separa struktur, observasi, dokumen antara cara yang boleh digunakan. Manakala metode pengendalian projek kumpulan hanya terfokus kepada mencari isi dan membentangkannya. Oleh itu, metode mencipta sesuatu yang bermanfaat seperti model kaabah, model kerusi untuk orang sakit bersolat, model pakaian telekung yang lebih efektif dan ringkas, model peralatan membunuh cicak, model peralatan dan lain-lain yang sesuai. Metode pembelajaran aktif dalam bentuk hayati amali juga sewajarnya tidak dipisahkan dari kehidupan para pelajar. Apa sahaja bidang pengajaran yang berkaitan dengan kehidupan harian wajar dijadikan sumber pembelajaran pelajar seperti solat Dhuha secara beramai-ramai, solat berjemaah, solat sunat cara orang bermusafir, solat jamak dan qasar, adab kehidupan Islam ketika di tandas, kantin, dalam surau sekolah, cara pakai baju, dan lain-lain.
- (2) Cara persembahan dan pembentangan juga boleh dipelbagaikan dengan menggunakan kaedah debat, perbincangan berpasangan, permainan puzzle, permainan teka silangkata, pidato, dan lakonan. Pelajar juga boleh menggunakan kaedah ini dalam bentuk persembahan atau menciptanya seperti mencipta dan menyanyikan nasyid, mencipta dan mendeklamasikan sajak, pantun, dan gurindam.
- (3) Penggunaan BBM juga amat terhad kepada para pelajar dalam pembelajaran aktif GCPI ini. Oleh itu, para pelajar mungkin boleh disediakan dengan kemudahan ICT yang lebih canggih seperti komputer dan LCD projektor, mempunyai akses kepada internet dan penggunaan bahan berbantuan komputer seperti CD-Rom program yang bersesuaian, klip video, dan gambar untuk mereka.

Kajian lanjutan berkaitan dengan pembelajaran aktif ini mungkin boleh dijalankan dengan lebih lanjut dari segi perlaksanaan kepada guru novis dan guru pendidikan Islam yang lain bagi melihat elemen seperti dalam kajian ini adakah terdapat persamaan atau perbezaan. Selain itu, kemungkinan besar kajian juga boleh dijalankan untuk tokoh pembelajaran aktif dari bidang sains sosial selain Pendidikan Islam untuk mengambil pengalaman daripada bidang lain dalam pembelajaran aktif bagi disesuaikan penggunaannya dalam bidang Pendidikan Islam.

## **RUMUSAN**

Artikel ini telah membincangkan secara mendalam pembelajaran aktif dari segi teori dan pelaksanaan dalam kalangan GCPI Pendidikan Islam di Malaysia. Hasil kajian, sistem pembelajaran aktif ini walaupun ada diamalkan dengan agak baik oleh GCPI, namun pembaikan daripada pelaksanaan amalan pendekatan tersebut masih perlu dilakukan dalam pelbagai sudut sebagaimana yang dikemukakan dalam cadangan kertas kerja ini. Pengkaji berharap kertas kerja ini telah memberikan pengetahuan yang agak mendalam tentang penggunaan pembelajaran aktif dalam pendidikan Islam agar dapat dipraktikkan dengan lebih baik bagi semua warga guru Pendidikan Islam di Malaysia.

## **RUJUKAN**

Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin dan Zamri Abdul Rahim. 2004. *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri*



- pelajar. Laporan Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adler. M.J. (1982). *The Paideia proposal: An education manifesto*. NY: Maemillan.
- Al-Bughawi, Mahyuyi al-Sanah al-Hussain ibn Mas'ud. 1989. *Al-Anwar fi Shama'il al-Nabiyy al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Diya' li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Bukhari, al-Imam. 1994. *Sahih Al-Bukhari*. (Tahqiq: Shaikh Abd al-Aziz 'Abdullah). Jil. 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Luhaimid, Sulayman ibn Muhammad. T.T. *Al-Sirah wa al-Shama'il*. T.P.: T.T.P.
- Al-Qattan, Manna'. 2000. *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Beirut: Maktabah al-Ma 'arif li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Suyuti, al-Imam al-'Allamah Jalal al-Din. T.T. *Anmuzuji al-Lubaib fi Khasais al-Habib*. T.P.: T.T.P.
- Al-Zarkashi, Bad al-Din Muhammad ibn 'Abdullah ibn Bahadir. 1957. *Al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*. Mesr: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shirkaihi.
- Al-Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim. T.T. *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Mesr: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shirkah.
- Bahagian Pendidikan Islam. 1993. *Kajian mata pelajaran Pendidikan Islam dan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia*. Laporan Kajian Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bandiera M. & Bruno C. 2006. Active/Cooperative Learning in Schools in *Journal of Biological Education*, 40(3) pp 130-134.
- Bonwell, Charles C. 1991. Active Learning: Creating Excitement in the Classroom in *ERIC Digest*. Univ. Washington DC: George Washington.
- Brock Murdoch & Paul W. Guy. 2002. Active learning in small and large classes in *Accounting Education: An International Journal*. Volume 11, Issue 3, pages 271-282.
- Chickering, A.W. & Garrison, Z.F. (1987). Seven Principles for Good Practice. *AAHE Bulletin*. 39(7), 3-7.
- Cornel R.M., Johnson C.B., Schwartz W.C. 2013. Enhancing Student Experiential Learning With Structured Interviews in *Journal of Education for Business*, 88(3) pp 136-146.
- Dale, E. (1969). *Audio-visual methods in teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Dalsgaard, C. 2005. From Learning Objects to Learning Activities: References as an Alternative to Pedagogical Metadata in G. Richards (Ed.), *Proceedings of World Conference on E-Learning in Corporate, Government, Healthcare, and Higher Education 2005* (pp. 1263-1269).
- Drew V. & Mackie L. 2011. Extending the Constructs of Active Teaming: Implications for Teachers' pedagogy and practice in *Curriculum Journal*, 22:4, 451-467.
- Edgar Dale. 1969. *Audio-Visual Methods in Teaching* (3rd Ed.), New York, USA: Holt, Rinehart and Winston.
- Ericksen, S. (1984). *The essence of good teaching*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Ford M.J. 2010. Critique in Academic Disciplines and Active Learning of Academic Content in *Cambridge Journal of Education*, 40(3), pp 265-280.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral & Universiti Putra Malaysia. 1994. *Keperluan profesional guru Pendidikan Islam di sekolah menengah*. Penyelidikan Kajian Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dengan Universiti Putra Malaysia.
- Jardine R. 2007. PRIMUS: Problems, Resources, and Issues in Mathematics Undergraduate Studies in *Active Learning Mathematics History*, 7(2), pp 115-122.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. Penerapan Matlamat Pendidikan Islam Oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Malaysia dalam *Jurnal Teknologi*, 55 (Sains Sosial), Mei 2011: 37-53.
- Kamarul Azmi, 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Shahrin Awaludin. 2003. Pembelajaran Bahasa Arab Secara Koperatif: Satu Kaedah Alternatif. Dlm. Khadijah Abdul Razak, Shahri Awaludin, Kamarulzaman Abdul Ghani, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohd Salleh, & Aliza Alias (pnyt.). *Prosiding Seminar Pendidikan Islam (Siri 3) Perkaedahan Pengajaran Pendidikan: Antara Tradisi dan Inovasi*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 326-335.
- Klein P. 2003. Active Learning Strategies and Assessment in World Geography Classes in *Journal of Geography*, 102 (4), pp 146-157.
- Knight, C. Gasevic, D. & Richards, G. 2005. Ontologies to Integrate Learning Design and Learning content. *Journal of Interactive Media in Education in Special Issue on Advances in Learning Design*, 2005 (7).

- McKeachie, W.J., Pint rich. P.R., Lin. Y.G., & Smith. D.A. (1987). *Teaching and learning in the college classroom: A review of the literature*. Ann Arbor: National Center for Research to Improve Postsecondary Teaching and Learning, The University of Michigan.
- McLaughlan R.G. & Kirkpatrick D. 2004. Online roleplay: design for active learning in *European Journal of Engineering Education*, 29(4), pp 477-490.
- Mel Silberman. 1996. *Active Learning: 101 Strategies to Teach Any Subject*. Boston: Allyn and Bacon.
- Meyers, C. & Jones, T. 1993. *Promoting Active Learning: Strategies for the College Classroom*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Michael J. 2007. Faculty Perceptions About Barriers to Active Learning in *College Teaching*, 55(2), pp 42-47.
- Murdoch B. & Guy P.W. 2002. Active Learning in Small and Large Classes in *Accounting Education*, 11(3), pp 271-282.
- Paul P. & Mukhopadhyay K. 2005. Experiential Learning in International Business Education in *Journal of Teaching in International Business*, 16(2), pp 7-25
- Pedro Arce. 1994. The Colloquial Approach: An Active Learning Technique in *Journal of Science Education and Technology*, 3(3), pp. 145-160
- Thomas, J. 1972. The Variation of Memory with Time for Information Appearing During a Lecture. *Studies in Adult Education*, 4, 57-62.